



Um-26/4/2004, m/s: 2.

**KETIBAAN...** Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di Kota Bharu malam tadi bagi menghadiri majlis santapan diraja sempena sambutan Jubli Perak Pemerintahan Sultan Kelantan, di Istana Negeri, Kubang Kerian.

Majlis yang bermula pada pukul 8.30 malam dihadiri oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan permaisuri, raja-raja

Melayu, Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, Ratu Thailand, Ratu Sirikit serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Turut hadir ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

● **ABDULLAH** Ahmad Badawi diiringi Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed setibanya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, malam tadi.